

METODOLOGI KOMUNIKASI DALAM MENDIDIK ANAK-ANAK MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Norfaezah Mohd Hamidin
Fazuriyati Mohd Hamidin
Universiti Islam Selangor
Email: norfaezah@uis.edu.my

ABSTRAK

Komunikasi adalah suatu proses perpindahan maklumat, perasaan, idea, dan fikiran seseorang individu kepada individu atau sekumpulan individu yang lain. Ia merupakan proses interaksi yang bererti antara hidupan dan merangkumi keduaduanya. Komunikasi juga merupakan asas kepada hubungan interpersonal iaitu proses komunikasi antara individu. Metodologi komunikasi pula bermakna cara atau kaedah yang sistematik untuk mencapai tujuan yang telah direncanakan. Metodologi komunikasi dalam mendidik anak-anak menurut perspektif al-Quran adalah kajian yang berkisar tentang metodologi komunikasi dalam mendidik anak-anak menurut perspektif al-Quran. Ini kerana pada masa kini, banyak berlaku kepincangan dalam hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dan anak-anak dalam pendidikan mereka di rumah. Objektif kajian ini menyelidiki metodologi komunikasi Islam dalam mendidik anak-anak menurut perspektif al-Quran dan mendedahkan kehebatan metodologi komunikasi Islam kepada ibu bapa khususnya dalam mendidik anak-anak berpandukan al-Quran. Melalui kajian ini apabila ibu bapa mengamalkan metodologi komunikasi Islam berteraskan al-Quran melalui larangan berbuat syirik dan perintah menetapi tauhid, percakapan yang lemah lembut, nasihat yang baik dan perbincangan dengan anak-anak akan memberi kesan yang baik dalam pendidikan anak-anak di rumah seperti penerapan akidah yang mantap dalam diri anak-anak, keikhlasan dalam melakukan ibadat dan pengenalan akhlaq yang baik dalam diri anak-anak.

Kata Kunci : Metodologi, komunikasi Islam, pendidikan anak-anak, al-Quran

1. Pengenalan

Komunikasi boleh ditakrifkan sebagai suatu proses perpindahan maklumat, perasaan, idea dan fikiran seseorang individu kepada individu atau sekumpulan individu yang lain. Ia merupakan proses interaksi yang bererti antara hidupan dan merangkumi keduaduanya. Komunikasi merupakan asas kepada hubungan interpersonal iaitu proses komunikasi antara individu (ms.m.wikipedia.org). Setiap orang sentiasa berkomunikasi antara satu sama lain sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Komunikasi adalah suatu bidang yang sangat meluas dan melibatkan pelbagai pihak. Namun, di sini penulis hanya ingin memfokuskan komunikasi dari segi aspek kekeluargaan iaitu komunikasi antara ibubapa dengan anak-anak. Anak-anak yang soleh dan solehah merupakan cermin kejayaan kepada corak didikan seseorang ibubapa tersebut. Namun begitu, jika dilihat senario masa kini anak-anak semakin hilang nilai moral yang baik dalam diri mereka. Tambahan pula, kesan globalisasi masa kini menjadikan seseorang ibubapa itu sibuk mengejar kerjaya masing-masing kerana tuntutan hidup dan ini menyebabkan anak-anak mulai terabai. Apabila jarang berjumpa, komunikasi antara satu sama lain mulai terbatas dan menyukarkan mereka berinteraksi antara satu sama lain. Keterbatasan masa ibubapa dalam berkomunikasi secara efektif dengan anak-anak menyebabkan timbul pelbagai masalah sosial seperti lari dari rumah, pencurian, pergaduhan dan sebagainya. Bukanlah menghairankan anak-anak sanggup melemparkan kata-kata yang kesat dan tidak menghormati ibubapa mereka sendiri. Pada masa kini, nilai-nilai komunikasi seseorang ibubapa itu dengan anak-anak semakin kurang *human touch* iaitu adab-adab berkomunikasi antara satu sama lain. Memang diakui, kini dunia tanpa sempadan menjadikan teknologi dalam berkomunikasi antara satu sama lain menjadi lebih mudah. Namun begitu, ia memberi kesan negatif dalam hubungan kekeluargaan khususnya hubungan antara ibubapa dengan anak-anak. Walaupun berada di bawah satu bumbung yang sama, mereka masih menggunakan telefon untuk menyatakan sesuatu. Ini menjadikan jurang antara komunikasi ibubapa dengan anak-anak. Sebenarnya, komunikasi bermula dari dalam diri ibubapa tersebut. Sebagai ibubapa profesional, mereka seharusnya bijak dalam memainkan peranan bagaimanakah hendak menarik

minat anak-anak untuk berinteraksi dengan mereka sehari-hari di samping menerapkan nilai-nilai moral dalam diri mereka.

2. Kajian Literatur

Prinsip komunikasi mendidik Islam mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Tertakluk kepada peraturan ataupun syariat Allah SWT Kefahaman dalam mendidik anak-anak mengenai rukun Islam dan rukun iman serta hukum-hukum syariat amat penting dalam membina sahsiah diri yang mantap. Antara perkara yang perlu ditanam dalam diri mereka ialah kalimat “*La ilaha illa Allah*”. Ia merupakan asas-asas akidah serta prinsip tauhid dan iman. Sebagai umat Islam, berilah pengenalan kepada hukum-hukum halal dan haram dari masa ke semasa sejak kecil lagi supaya anak-anak celik mata dan minda melihat segala larangan Allah SWT memberi manfaat yang besar dalam kehidupan mereka sehari-hari. Tambahan pula, ibubapa perlu membina keyakinan dalam diri anak-anak mengenai corak hidup berlandaskan Islam melalui rukun-rukun Islam yang telah ditetapkan. Antara penekanan yang perlu diberikan ialah amalan ibadat. Ia perlulah dipupuk seawal usia tujuh tahun lagi mengenai solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya supaya dapat mereka membiasakan dan melaksanakan dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu juga, ibubapa seharusnya memupuk rasa kasih sayang dalam diri anakanak khususnya kepada junjungan besar Rasulullah SAW serta keluarganya dan kitab suci al-Quran melalui sirah-sirah baginda SAW dan juga mukjizat al-Quran. Sebagai ibubapa, mereka sepatutnya menjadi role model kepada anak-anak dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini dengan menunjukkan jalan-jalan keimanan kepada anak-anak dan menyemai dalam diri anak-anak perasaan khusyuk, takwa dan kehambaan kepada Allah SWT (Abdullah Nasih Ulwan,1998).
- ii. Mengambil kira aspek-aspek rohani dan fizikal yang boleh dibuktikan secara empirikal(Saedah Siraj, 2003). Islam berkehendakkan pada yang baik. Oleh sebab itu apa yang perlu ada pada diri anak-anak iaitu badan yang sihat dan kuat, berilmu pengetahuan yang luas sama ada ilmu-ilmu sunnatullah mahupun syariatullah serta bercita-cita tinggi. Cita-cita seorang anak-anak muslim perlu diasuh dengan ilmu yang banyak, kasih sayang yang melimpah ruah, kekuasaan yang tinggi, akhlak yang mulia dan badan yang kuat dan sihat dan mencapai hidup yang bahagia zahir dan batin di dunia dan akhirat. Selain itu juga, Islam mengajar akhlak yang baik dan mulia yang harus dimiliki dan diamalkan seperti dikatakan para ulama iaitu jujur, sabar, syukur, rajin, tawakal, ingatkan mati, merendahkan diri kepada Allah SWT dan berbuat baik semasa manusia. Di samping itu, Islam juga melarang umatNya melakukan perkara dan perbuatan yang buruk seperti khianat, iri hati, sompong, takabbur, mengumpat dan sebagainya. Terapkan sikap taat kepada peraturan Allah SWT yang mana mentaati aturan Allah SWT dan RasulNya di dalam segala aspek kehidupan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الْمُذْكُورُونَ إِنَّمَا الْأَطِيعُونَ مَا أَنزَلَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا تَوَلُّوْنَ عَنْهُ وَأَنْتُمْ تَسْمَعُونَ (٢٠)

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan kepada Rasul-Nya dan janganlah kamu berpaling daripadanya, sedang kamu mendengar (Al-Quran yang mewajibkan taatnya)”(Al-Anfal: 20)

- iii. Dihubungkan dengan keberkatan Allah dan balasan di akhirat (mengambil kira dosa dan pahala). Sebagai pendidik, ibubapa perlu mentarbiah anak-anak dengan nilai-nilai ketuhanan sejak mereka masih kecil lagi. Antara contoh nilai yang baik ialah seorang bapa yang membawa anak-anaknya ke masjid sebenarnya sedang dalam proses mendidik anak-anaknya seperti menyemai kecintaan kepada

masjid, mempraktikkan solat berjemaah, memperdengarkan azan, iqamah serta bacaan ayat-ayat suci al-Quran ketika solat berjemaah dan paling penting mengalami dan menghayati suasana solat berjemaah dan suasana masjid (Saedah Siraj,2003).

Fungsi-fungsi komunikasi

Di antara fungsi komunikasi dalam mendidik anak-anak ialah:

- i. Menjalinkan hubungan dengan manusia yang lain. Manusia amat memerlukan sahabat, pasangan, anak-anak dan kaum keluarga. Menerusi bercakap dan berbual-bual, manusia dapat menjalinkan persahabatan, kasih sayang, kekeluargaan dan bermasyarakat. Dalam hubungan kekeluargaan, khususnya hubungan antara ibubapa dengan anak-anak, komunikasi dapat menjalinkan hubungan yang utuh. Mereka saling mengambil berat antara satu sama lain dengan bertanya khabar, berbual-bual, meluahkan rasa atau sebagainya.
- ii. Memberi rangsangan. Manusia memerlukan manusia-manusia yang lain untuk diajak bercakap dan berbual-bual kerana manusia memerlukan rangsangan. Terdapat beberapa jenis rangsangan iaitu:
 - a. Rangsangan fizikal seperti sentuhan dan belaian. Aktiviti bercakap dan berbual-bual biasanya didahului ataupun mengiringinya aktiviti sentuhmenyentuh antara manusia contohnya seseorang bapa memberi kata-kata semangat sambil memegang bahu anaknya.
 - b. Rangsangan emosi supaya mereka dapat mengalami perasaan seronok, suka, gembira, bahagia dan puas. Manusia memerlukan kasih sayang daripada manusia-manusia lain. Rangsangan emosi boleh diberikan dengan menggunakan kemahiran bercakap, berbual-bual dan pengukuhan perbuatan secara positif. Kemahiran berbual-bual, memuji, menghibur dan bergurau sangat penting dalam hubungan ibubapa dengan anak-anak. Usah terlalu bertegas dalam mendidik anak-anak. Lakukan dengan penuh berhemah dan dekati mereka dengan cara yang menghiburkan hati mereka. Belajar mendidik dengan cara menyeronokkan bukan sekadar tegas yang tidak bertempat.
 - c. Rangsangan mental memerlukan manusia, ‘bermain’ aktiviti otaknya dengan cara bercakap dan berbual-bual sesama manusia untuk berfikir dan bertukar-tukar fikiran. Ibubapa seharusnya meluangkan masa dengan berbincang dengan anak-anak mengenai permasalahan yang timbul atau untuk meluahkan rasa dengan bertoleransi. Usah mengongkong anak-anak tetapi ibubapa hendaklah mengawal segala tindak-tanduk mereka supaya tidak tersasar jauh.
 - d. Rangsangan rohani ialah dengan bercakap-cakap dan melakukan tindakan yang boleh memberikan dorongan, perangsang, nasihat dan idea kepada manusia yang lain. Setiap saat, perkembangan anak-anak dibentuk oleh alam persekitarannya termasuklah apa yang dipelajari oleh kedua-dua orang tuanya. Oleh sebab itu, ibubapa seharusnya mewujudkan *Islamic world view* dalam diri anak-anak dengan membina kata-kata yang positif dan sokongan yang padu terhadap anak-anak dalam melakukan perkara-perkara yang baik. Ibubapa harus sedar bahawa kelakuan baik bukan kerana sifat semulajadi tetapi suatu proses yang berterusan. Usaha yang berterusan ini dilakukan melalui kebaikan-kebaikan yang dilakukan sehingga menjadi tabiat harian sama ada secara lisan ataupun bukan lisan.
- iii. Memenuhi keperluan *self-esteem* (harga diri). Manusia sangat memerlukan kemuliaan dan penghargaan daripada manusia lain melalui aktiviti komunikasi. Mereka berasa diperlukan, dihargai, disanjung dan penting kepada orang-orang lain. Kajian menunjukkan orang yang pandai kemahiran berkomunikasi dapat memotivasi dan mempengaruhi orang-orang dengan berkesan. Sebagai

ibubapa, mereka seharusnya memiliki *communication skill* yang bagus dalam mengambil hati anak-anak. Iktiraf kejayaan anak-anak dengan kata-kata pujian dan penghargaan bertujuan memupuk pengukuhan tabiat positif dalam perkataan dan perbuatan mereka. Kata-kata dan tindakan ibubapa sangat penting dalam diri anak-anak. Apabila mereka gagal dalam sesuatu tindakan, elakkan sama sekali mengungkit salah anak-anak supaya mereka tidak berasa rendah diri dan putus asa.

iv. Berkongsi apa yang dialami. Manusia gemar berkongsi suka duka kehidupan yang mereka lalui. Apabila mereka gembira, mereka berkongsi untuk dirai bersamasama. Apabila mereka ditimpa musibah, mereka berkongsi rasa untuk mengurang kesengsaraan yang mereka alami. Sebagai ibubapa, didiklah diri menjadi pendengar yang setia di sisi anak-anak. Ini adalah satu cara untuk menarik minat anak-anak berkongsi apa sahaja dengan kita. Bina kepercayaan dan keserasian dalam perhubungan ibubapa dengan anak-anak. Kajian menunjukkan orang yang pandai mendengar lebih berjaya dalam pergaulan, kerjaya dan perkahwinan mereka (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2005).

3. Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu kajian ilmiah dengan melakukan penyelidikan secara tematik berkaitan kaedah mendidik anak-anak menurut perspektif al-Quran. Kajian ini bukan sahaja merungkai kaedah komunikasi mendidik anak-anak bahkan turut mencungkil peranan ibubapa sebagai pendidik yang bertujuan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh seseorang individu ataupun unit sosial. Antara kelebihan kajian ini ialah dapatkan lebih terperinci dan kritikan namun begitu terdapat kekurangannya seperti keterbatasan maklumat yang memfokuskan ayat-ayat al-Quran secara terperinci kaedah komunikasi mendidik anak-anak.

3.1 Pemilihan sampel kajian

Penulis telah memilih persampelan iaitu kaedah yang digunakan untuk mengupas metodologi komunikasi dalam mendidik anak-anak menurut al-Quran. Antara bahan rujukan ialah kitab-kitab tafsir al-Quran, kitab-kitab hadis, majalah-majalah, makalah, akhbar-akhbar dan jurnal.

4. Perbincangan

Pengkajian ayat-ayat al-Quran dalam mendidik anak-anak:

Larangan berbuat syirik dan perintah menetapi tauhid

i. Pesanan Nabi Ibrahim dan Nabi Yaakub dalam mentauhidkan Allah SWT Islam adalah agama yang dibawakan oleh Nabi Muhammad SAW. Nama ini bukanlah rekaan Rasullah SAW bahkan ketetapan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَرَضِيَتْ لَكُمْ أُلُّسُلَمَ دِينُكُمْ

Maksudnya: “*Dan Aku telah rela akan Islam itu menjadi agama untuk kamu*” (Al-Maidah: 3)

Nabi Ibrahim telah membawa agama Islam yang tulus dan jelas. Namun, Nabi Ibrahim tidak berasa cukup Islam hanya untuk dirinya sendiri sahaja tetapi baginda tinggalkan juga Islam untuk anak cucu sepeninggalannya dan diwasiatkan untuk mereka. Nabi Ibrahim telah mewasiatkan agama ini untuk

anak cucu beliau dan menerusi seruan agama Islam inilah, Nabi Yaakub a.s. berwasiat kepada anak-anaknya sebagaimana yang pernah dilakukan Nabi Ibrahim a.s. sebelum itu. Nabi Ibrahim dan Nabi Yaakub telah mengingatkan kepada anak cucunya akan nikmat Allah SWT atas mereka kerana telah memilih agama ini buat mereka. Agama Islam ini sudah menjadi pilihan Allah SWT maka mereka tidak boleh mencari-cari pilihan lain lagi sesudah itu (Sayyid Quthb,2000). Firman Allah SWT:

وَوَصَّىٰ إِبْرَاهِيمَ بْنَهُ وَيَعْقُوبَ يَبْنَهُ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَى لَكُمُ الْدِّينَ فَلَا تُمُونُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (١٣٢)

Maksudnya: Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Yaakub. (Ibrahim berkata): “*Hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam’* (Al-Baqarah:132)

Demikian suatu wasiat Nabi Ibrahim yang diulang kembali oleh Nabi Yaakub pada saat-saat akhir hidupnya ketika sedang menghadapi kematian dan sakaratul maut yang tidak dapat dielakkan. Maka hendaklah didengar Bani Israel ini mengenai wasiat Nabi Yaakub. Firman Allah SWT:

أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتَ إِذْ قَالَ لِبْنَيْهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ أَبَابِيكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ (١٣٣)

Maksudnya: “*Adakah kamu hadir ketika Yaakub kedatangan (tanda-tanda) maut, ketika ia berkata kepada anak-anaknya, “Apakah yang kamu sembah sepeninggalanku?”. Mereka menjawab, “Kami akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu, Ibrahim, Ismail dan Ishaq (iaitu) Tuhan Yang Maha Esa dan kami hanya tunduk patuh kepadaNya”* (Al-Baqarah:133)

ii. Pesanan Luqman dalam mentauhidkan Allah SWT. Luqman al-Hakim telah memulakan nasihatnya dengan perkara yang terpenting iaitu tegahan daripada syirik. Syirik merupakan kezaliman kerana manusia menghumbangkan dirinya yang telah dimuliakan Allah SWT ke kancang menyekutukan Allah SWT terhadap sesuatu yang langsung tiada harga dan nilai ataupun meletakkan penyembahan bukan pada tempatnya iaitu bukan pada Allah SWT (Ahmad Hasan Mohd. Nazam, 2009). Sememangnya ia suatu yang tidak wajar dilakukan oleh anak-anak Adam. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ لِقَمَنْ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُمُهُ يَبْنَهُ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الْشَّرِكَ أَلْظَلُّمُ عَظِيمٌ (١٣)

Maksudnya: “*Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya di waktu ia memberi pelajaran kepadanya, “Wahai anakku, janganlah engkau menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”* (Luqman: 13)

Bercakap dengan lemah lembut

Corak komunikasi berteraskan al-Quran sangat membantu manusia dalam berinteraksi antara satu sama lain khususnya komunikasi ibubapa anak-anak. Malah di dalam al-Quran terdapat gaya bahasa yang sangat menarik digunakan ibubapa dalam mentarbiah anak-anak. Kita dapat memahami dengan jelas bagaimana pendekatan gaya yang digunakan dalam menyampaikan pesanan kepada anak-anak di dalam al-Quran. Terdapat enam kali perkataan يَبْنَهُ diulang dalam situasi yang berbeza-beza dengan

menggunakan uslub yang mengagumkan dalam konteks mendidik anak-anak berdasarkan manhaj Allah SWT. Ia merupakan tarbiyah komprehensif yang diperlukan anak-anak baik di dunia maupun di akhirat. Di dalam surah Luqman sendiri, penggunaan يُبَيِّنَ diulang sebanyak tiga kali dalam ayat ke-13, 16 dan 17. Selain dialog Luqman dengan anaknya, terdapat juga dialog para anbia dengan anak mereka seperti Nabi Nuh dengan anaknya dalam surah Hud, Nabi Ibrahim dengan Nabi Ismail dalam surah As-Saaffat dan Nabi Yaakub dengan Nabi Yusuf dalam surah Yusuf yang diawali dengan kata يُبَيِّنَ ketika berbicara.

Nasihat yang baik

Teladan yang baik adalah faktor penting dalam proses pendidikan dan sebaik-baik teladan ialah Rasullah SAW sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ أَلَّا خَرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (٢١)

Maksudnya: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah (Al-Ahzab: 21).

Baginda SAW juga telah menggunakan pendekatan nasihat sebagai teras dalam mendidik anak-anak. Antara kaedah yang digunakan ialah tidak memanjangkan nasihatnya, berosal jawab, bercerita, menunjukkan teladan yang baik, menyelitkan unsur-unsur humor atau jenaka, melalui pergerakan badan, selingan nasihat dengan menimbulkan perasaan takut dan gerun, mengambil pengajaran setiap apa berlaku dan sebagainya (Dr. Tengku Asmadi, Hilmi Isa, 2012). Kaedah sebeginilah yang seharusnya dipraktikkan ibubapa dalam memberi nasihat kepada anakanak dan ianya sangat penting kerana ia berbeza sama sekali dengan kaedah pesanan dan arahan. Selain itu juga, nasihat dan teguran ini tidak boleh dibuat tiap-tiap hari atau setiap masa kerana anak-anak akan berasa mudah bosan dan jemu(Dato' Dr. Hj. Mohd. Fadzilah Kamsah & Hj Muhammad Zakaria, 2005).

Diskusi ibubapa dengan anak-anak perlulah dengan cara berhikmah dan penuh kasih sayang. Antara tujuan berdiskusi dengan anak-anak ialah untuk mencari atau menjelaskan kebenaran, untuk menggerakkan minda anak-anak, menggerakkan kemahiran berfikir dalam kalangan anak-anak, untuk anak-anak mendapatkan maklumat, mengeratkan hubungan ibubapa dengan anak-anak, tonjolkan diri anak-anak dan melatih anak-anak cekap berhujah. Ini penting untuk anak-anak memberi pendapat atau pandangan di dalam sesuatu hal. Bukalah ruang kepada anak-anak bertanyakan apa sahaja yang mereka musykilan. Jadi anak-anak boleh menjawab apa sahaja yang ditanya oleh ibubapa jika diminta menjawab.

Komunikasi dua hala antara ibubapa penting kerana masing-masing boleh menyuarakan hasrat atau kehendak sendiri. Malah, anak-anak juga tidak segan silu untuk meluahkan masalahnya. Namun begitu, adab-adab semasa berdiskusi dengan anak-anak perlulah dititikberatkan supaya kedua-dua belah pihak dalam berkomunikasi dengan baik. Antara adabnya ialah elakkan masing-masing meninggikan suara, jangan keluar dari tajuk perbahasan, jangan sindir-menyindir di antara kedua-dua belah pihak. Sebagai teladan kepada anak-anak, ibubapa jangan sesekali jangan menunjuk jari ke muka, menunjukkan simbol pergaduhan seperti genggaman penumbuk atau mengenakan tindakan fizikal atau deraan seperti memukul, mencubit dan sebagainya. Apa yang paling penting ialah isi perbincangan yang diketengahkan. Jadi hadkan masa dan tidak meleret-leret. Antara contoh diskusi

ibubapa dengan anak-anak dalam al-Quran ialah kisah Nabi Ibrahim dengan Nabi Ismail. Bagaimana Nabi Ibrahim bertanya pendapat Nabi Ismail mengenai mimpi baginda. Firman Allah SWT:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ الْسَّعْيَ قَالَ يَأْتِنِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا أَبَتِ أَفْعُلُ مَا تُؤْمِنُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الْصَّابِرِينَ (١٠٢)

Maksudnya: “Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahwa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" dia menjawab: "Hai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insha Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar". (As-Shaaffat:102)

Meskipun sekadar mimpi, bukan perintah secara langsung dari Allah atau perantaraan Jibrail akan tetapi Nabi Ibrahim tidak ragu-ragu walau sedikit pun kerana baginda mengetahui mimpi para nabi adalah benar. Nabi Ibrahim tidak berusaha untuk mengetahui apakah di sebalik hikmah mimpi tersebut namun baginda menggunakan usul yang betul dengan bertanyakan pendapat puteranya iaitu Nabi Ismail mengenai mimpi tersebut. Walaupun jauh di sudut hati, baginda sangat kasihkan anaknya namun cinta kepada Allah SWT mengatasi segala-galanya. Pertanyaan tersebut bukan kerana keraguan akan tetapi baginda menghendaki agar puteranya boleh bersama-sama melaksanakan perintah tersebut dengan penuh keikhlasan.

Begitu juga kisah menarik pertemuan Nabi Musa dengan dua orang wanita di negeri Madyan yang mengubah corak kehidupan Nabi Musa. Firman Allah SWT:

فَجَاءَنَّهُ إِحْدَاهُمَا تَمَشِّي عَلَى أُسْتِحْيَانٍ قَالَتْ إِنَّ أُبَيْ يَدْعُوكَ لِيَجْزِيَكَ أَجْرًا مَا سَوَّيْتَ لَنَا (٢٥)

Maksudnya: Kemudian datanglah kepada Musa salah seorang dari kedua wanita itu berjalan malu-malu, ia berkata: "Sesungguhnya bapaku memanggil kamu agar ia memberikan balasan terhadap (kebaikan)mu memberi minum (ternak) kami" (Al-Qasas: 25).

Padahal dia sendiri yang menyusulkan idea tersebut kepada bapanya, Nabi Syuib. Ini merupakan sikap beradab dalam bertutur kata di mana ia tidaklah meminta secara jelas agar tidak menimbulkan perasaan curiga (Dr.Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh,2008). Firman Allah SWT:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ أَسْتَحْجُوُ إِنَّ خَيْرًا مِنْ أَسْتَجْرِتَ الْقُوَى الْأَمِينُ (٢٦)

Maksudnya: Salah seorang dari kedua wanita itu berkata: "Ya bapaku ambillah ia sebagai orang yang bekerja (pada kita), Karena Sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai" (Al-Qasas: 26)

5. Kesimpulan

Kesan metodologi komunikasi berteraskan al-Quran dalam mendidik anakanak Al-Quran adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad s.a.w. Baginda s.a.w telah diutuskan oleh Allah sebagai pembawa risalah iaitu al-Quran untuk disampaikan dan menyeru umat manusia ke arah kebenaran. Oleh sebab itu, ketika anak-anak membaca al-Quran ibubapa seharusnya memberikan perhatian khusus dengan memberikan penjelasan secara ringkas dan sederhana mengenai makna ayat-ayat al-Quran sehingga perkara itu masuk ke dalam jiwa anak-anak. Ia sudah tentu dapat memberi kesan-kesan positif terhadap pembinaan diri anak-anak dalam beberapa aspek iaitu pembinaan akidah, ibadah dan akhlak melalui pemahaman al-Quran. Antara kesan metodologi komunikasi ibubapa berteraskan al-Quran dalam mendidik anak-anak ialah penerapan akidah yang mantap dalam diri anak-anak. Anak-anak yang ditarbiah dengan akidah yang mantap sudah tentu dapat mengharungi pelbagai cabaran hidup. Sebagaimana kisah Imam Hasan al-Banna yang bermula dengan tarbiah daripada bapa Hasan al-Banna sendiri dalam mengamalkan Islam. Bapanya menerapkan kepercayaan yang teguh kepada Allah SWT dalam kehidupan mereka dengan mengajar solat, puasa, membaca al-Quran dan juga mempelajari kitab-kitab tafsir dan al-Sunnah. Anak-anak yang hebat lahir daripada misi dan visi yang rapi dalam membentuk anak-anak yang betakwa. Kesan hasil daripada tarbiah bapanya, Hasan al-Banna telah menjadi seorang pemimpin yang sangat berkaliber dalam menyampaikan dakwah melalui pertubuhan Ikhwan al-Muslimin. Malah, hasil didikan tersebut diteruskan kepada generasi anak-anaknya dengan pendidikan dan pembinaan yang sangat baik dalam keluarganya. Beliau telah berjaya membina keluarga yang istimewa dan wajar dijadikan contoh ibubapa masa kini. Apabila anak-anaknya melakukan sebarang kesalahan, beliau menggunakan pendekatan yang sangat baik tanpa menyakitkan hati sesiapa. Beliau mengaitkan dengan nilai-nilai ketakwaan kepada anak-anak dan pengukuhan akidah yang mantap. Semua anak beliau telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan hasil didikan yang mantap oleh beliau. Keikhlasan dalam melakukan ibadat Apabila anak-anak dihubungkan akidah yang mantap dan rasa cinta kepada Allah s.w.t, sudah tentu anak-anak akan melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh Allah s.w.t tanpa perlu disuruh seperti melaksanakan solat, puasa, membenarkan apa sahaja yang diturunkan Allah s.w.t di dalam al-Quran dan sentiasa berhatihati dalam setiap tutur kata dan tingkah laku kerana takutkan Allah s.w.t. Anakanak yang ditarbiah dengan metodologi al-Quran dapat mendidik mereka menjadi hamba yang bertakwa. Ia juga mendidik anak-anak menjadi seorang yang ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara. Antara kisah yang boleh dijadikan teladan ialah keikhlasan anak Nabi Adam a.s iaitu Habil dalam melakukan korban kepada Allah s.w.t. Beliau sangat teliti dalam memilih ternakan yang hendak dijadikan korban dan di atas keikhlasannya Allah SWT telah menerima korbannya. Kisah-kisah sebegini sudah tentu memberi inspirasi kepada anak-anak dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Pengamalan akhlak yang baik dalam diri anak-anak. Di dalam al-Quran, Allah SWT banyak menjelaskan ayat-ayat al-Quran berkenaan adab-adab seperti adab bercakap dengan ibubapa, adab menghormati ibubapa, adab menghormati orang lain, adab persaudaraan dan sebagainya. Di sini, penulis tertarik bagaimana penerapan akhlak yang baik Hasan al-Banna terhadap anak-anaknya. Antaranya adab berkomunikasi dengan anak-anak yang mana tidak ada suara keras di rumah beliau. Walaupun beliau dibebani dengan kegiatan dakwah, beliau tidak menjadikan alasan dalam menumpukan perhatian kepada anak-anak. Kesannya ia mempengaruhi corak komunikasi anak-anak dengan ibubapa melalui contoh yang ditunjukkan oleh ibubapa mereka.

6. Rujukan

- Abdullah, H., & Mohd, A. (2005). *Seni bercakap-cakap dan berbual-bual*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Hasan Mohd. Nazam. (2009). *Wasiat Luqman al-Hakim*. Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1998). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam* (Vol. 1). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Alu Syaikh, D. ‘A. bin M. bin ‘A. bin I. (2008). *Lubaabut Tafsir Min Ibni Kathir* (Vol. 1). Pustaka Imam Asy-Syafi’i.
- Asmadi, T., & Isa, H. (2012). *Pikat remaja dengan kata-kata*. PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Kamsah, D. Dr. H. M. F., & Zakaria, H. M. (2005). *21 kaedah mendidik anak cemerlang*. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Siraj, S. (2003). *Pendidikan anak-anak*. Alam Pintar Enterprise.
- Quthb, S. (Trans. A. Yasin, A. S. Basyarahil, & M. Hamzah; Ed. T. Simpul, T. GIP). (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran* (Vol. 1). Gema Insani.
- ms.m.wikipedia.org